

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
(PASIR GUDANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil bagi memastikan integriti anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia berikutan dakwaan segelintir anggota menjadi punca penyeludupan rokok dan arak semakin berleluasa.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan serius dalam usaha mensifarkan rasuah dan pecah amanah serta mana-mana pelakuan yang menjurus ke arah ketidakpatuhan peraturan dan undang-undang dalam kalangan penjawat awam.

Berhubung dengan persoalan di atas, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya penambahbaikan tadbir urus, langkah-langkah pencegahan dan tindakan-tindakan kawalan dalaman dan punitif dalam usaha membanteras gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai dan kakitangannya.

Dalam usaha penambahbaikan terhadap tadbir urus, Jabatan Kastam Diraja telah menubuhkan Unit Integriti pada Ogos 2013 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertarikh 1 Ogos 2013. Unit ini berperanan untuk membantu mengurangkan gejala penyalahgunaan kuasa dan rasuah serta meningkatkan akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

JKDM juga telah membangunkan Sistem e-Penempatan berdasarkan skala penarafan risiko untuk urusan penempatan dan pertukaran pegawai berdasarkan kepada '*Hot Job*' iaitu **jenis kerja** berisiko tinggi berlakunya rasuah, '*Hot Spot*' iaitu **tempat kerja** berisiko tinggi berlakunya rasuah dan '*Hot Staff*' iaitu **pegawai** yang berkemungkinan atau berisiko tinggi

melakukan rasuah. Selain daripada itu, JKDM telah mengadakan *MoU Integrity* dengan pihak-pihak yang berkepentingan yang terdiri daripada pihak swasta seperti Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan ejen penghantaran.

JKDM juga telah mengambil inisiatif pencegahan sebagai langkah pro-aktif dengan mengadakan program-program pengukuhan integriti untuk warga JKDM seperti menjalankan naziran pengisytiharan harta, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 serta pengauditan kes-kes tatatertib di Pejabat-Pejabat Negeri. Di samping itu juga, Kod Perilaku Kastam dan Pelan Integriti 2010-2014 JKDM merupakan salah satu medium untuk meningkatkan program-program pengukuhan integriti di Jabatan.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia turut mengambil pendekatan punitif sebagai langkah pembetulan antara lain mengenakan tindakan hukuman tatatertib yang sewajarnya termasuk hukuman buang kerja selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.